

Jeti sudah tiada, feri Pulau Pinang mungkin tak dikembalikan

Butterworth: Perkhidmatan feri ikonik Pulau Pinang berkemungkinan tidak dapat dikembalikan apabila struktur kedua-dua terminal pengangkutan itu di bahagian pulau dan tanah besar sudah dimusnahkan selepas operasi dihentikan sejak tiga tahun lalu.

Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng, berkata pihaknya sebelum itu mahu mengembalikan semula perkhidmatan feri berkenaan selepas Pakatan Harapan (PH) menjadi kerajaan.

Bagaimanapun, hasrat itu terhenti apabila pihak pengurusan feri memusnahkan kedua-dua terminal yang menjadi tempat pengangkutan terbabit berlabuh.

"Pada asalnya kita ingat, lepas jadi kerajaan kita mahu kembalikan feri bersejarah ini untuk digunakan dengan kos baik pulih tidak sampai RM30 juta.

"Tetapi masalahnya sekarang, sekiranya kita baik pulih pun tak guna juga kerana pentadbiran dahulu selepas menamatkan khidmat feri ini, mereka hancurkan juga terminal.

"Bila terminal dah hancur, ke mana feri ini nak berlabuh?" soalnya selepas melancarkan

perkhidmatan bas Rapid Penang Bagan Dalam LOOP, di sini, semalam.

Jelasnya, hasrat mengembalikan kegemilangan feri bersejarah itu juga pernah disuarakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memandangkan ia bukan hanya mempunyai nilai sejarah tinggi, malah menjadi antara pengangkutan penting menghubungkan bahagian tanah besar dan pulau.

Pada Mac lalu, Kerajaan Persekutuan dilaporkan akan mempertimbangkan untuk mengembalikan semula operasi feri ikonik ke Pulau Pinang yang dihentikan sejak 31 Disember 2020.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dilaporkan berkata, usaha itu tidak boleh dijalankan dalam kadar segera kerana ia perlu menghadapi banyak cabaran antaranya isu pengubahsuai an terminal feri.

Selepas 126 tahun menjadi pengangkutan tertua di Pulau Pinang, perkhidmatan ikonik feri sebagai alternatif laluan dari Seberang Perai untuk ke bahagian pulau dan sebaliknya telah digantikan dengan bot laju bermula 1 Januari 2021.

